PENGECAMAN ENTITI NAMA TEKS AL-QURAN TERJEMAHAN BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN PENDEKATAN BERASASKAN CONDITIONAL RANDOMS FIELD (CRF)

Lily Haryanti Bt. Az.Muzni, Dr. Saidah Saad

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia.

P106508@siswa.ukm.edu.my, saidah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Setiap anutan dan agama masing-masing pasti mempunyai kitab sebagai rujukan dan panduan untuk para penganutnya. Al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam di mana ianya merupakan mukjizat teragung yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.; yang ditulis, dimushafkan dan diriwayatkan dengan mutawir dan membacanya adalah ibadah. Al-Quran juga adalah kitab suci yang wajib dipelajari oleh seluruh umat Islam di dunia ini. Perkembangan teknologi digital pastinya akan mempengaruhi disiplin ilmu dan salah satunya adalah sains agama. Al-Quran merupakan teks klasik yang mempunyai ciri-ciri yang unik dan berbeza dari teks biasa. Pengecaman Entiti Nama telah digunakan secara meluas dan memainkan peranan penting dalam bidang yang berkaitan Pemprosesan Bahasa Tabii. Kajian ini bertujuan untuk menambah entiti nama bagi Domain Islam berdasarkan kajian lepas dan indeks Al-Quran dan menganotasikannya. Selain itu, kajian ini turut mencari bagaimana cara melatih dan mengemaskini model PEN bagi mendapatkan nilai parameter optimum bagi Domain Islam. Pengecaman Entiti Nama adalah melalui pendekatan berasaskan Conditional Random Field (CRF) dan diaplikasikan melalui perpustakaan SpaCy melalui perlabelan secara jujukan. SpaCy menggabungkan pendekatan berasaskan CRF dengan vektor perkataan yang telah dilatih dan ciri-ciri lingustik lain seperti penandaan golongan kata untuk meningkatkan prestasi PEN. Ciri-ciri ini, bersama dengan lapiran CRF, menyumbang kepada keupayaan pengecaman entiti nama dengan lebih tepat dan cekap. Dataset yang digunakan adalah surah Al-Anbiyaa, 122 ayat. Kajian ini melibatkan penyediaan data, pra-pemprosesan data, penganotasian entiti nama, melatih model PEN dan pengujian yang dirangkumkan dalam rekabentuk metodologi kajian. Hasil rumusan kajian menunjukkan bahawa objektif kajian ini telah berjaya dicapai dalam skop yang ditentukan apabila hasil kajian serta pengujian terhadap model PEN yang telah dilatih dalam Domain Islam menunjukkan keputusan yang positif. Kekangan kajian dibentang bagi membolehkan para penyelidik menambahbaik kajian ini dari semasa ke semasa. Cadangan kajian bagi penyelidikan pada masa akan datang telah dihuraikan agar kajian ini menjadi bermanfaat dan lebih diperluaskan bagi menjadi panduan kepada pra penyelidik yang lain seterusnya kepada umat Islam.

Keyword: Pengecaman Entiti Nama, Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu, pembelajaran mesin, Conditional Randoms Field, CRF

I. PENGENALAN

Dalam era digital ini, semuanya sedang menuju ke arah pendigitalan; dengan kemunculan pelbagai platform media sosial seperti Twitter, Instagram, TikTok dan sebagainya dengan kapasiti data dalam jumlah yang besar dan pelbagai sama ada dalam bentuk teks, imej, audio mahupun video, dijana dan dikongsi secara berterusan dan berleluasa tanpa had.

Merujuk kepada International Data Corporation (IDC), menjelang 2025, jumlah data yang dicipta, dikumpul, disalin dan digunakan secara global diramalkan meningkat dengan pesatnya daripada 64.2 Zettabait pada tahun 2020 kepada lebih 180 Zettabait. Sebahagian besar perkembangan data yang tidak berkesudahan ini adalah terdiri daripada data yang tidak berstruktur menyumbang kepada 95% daripada data global pada tahun 2020 (D. Reinsel et al., 2018). Kebanyakan ciri-ciri data tidak berstruktur in sering ditemui dalam bentuk atau format yang tiada piawaian, dipenuhi dengan teks yang berat dan ianya daripada sumber yang pelbagai (K. Adnan et al., 2019).

Pemprosesan Bahasa Tabii (PBT) merupakan satu bidang yang sangat penting pada masa kini. Ianya merupakan salah satu cabang Kecerdasan Buatan (Artificial Inteligence) yang bertumpu pada pengolahan bahasa tabii. Bahasa tabii adalah bahasa manusia yang perlu difahami oleh komputer sebagai medium komunikasi antara mesin dan manusia di mana ianya hanya difahami oleh manusia. Data-data tidak berstruktur ini jika dianalisis berkemungkinan mengandungi maklumat-maklumat penting dan berharga dalam menyelesaikan isu-isu bagi pelbagai domain seperti maklumat perubatan (M. Abulaish et al., 2019), geologi (A. Rauch et al., 2019), pembinaan (M. Marzouk & M. Enaba, 2019), semakan dan cadangan pengguna (M. Siering et al., 2018) serta pengurusan tender (K. Rajbabu et al., 2018). Walau bagaimanapun, peningkatan ketersediaan dokumen teks tidak berstruktur dalam format elektronik ini telah membawa kepada perkembangan penyelidikan dalam bidang Pengekstrakan Maklumat (PM).

Pengestrakan maklumat merupakan proses bagi mendapatkan konsep penting dalam mewakili kandungan teks dari dokumen yang tidak berstruktur. Teknik pengekstrakan yang digunakan dalam pengecaman entiti nama (PEN) juga melibatkan proses lain seperti pengenalan entiti, penggabungan entiti dan pengekstrakan entiti. Pengecaman Entiti Nama (PEN) merupakan salah satu dari cabang penyelidikan Pengesktrakan Maklumat (PM) yang amat penting bagi mendapatkan senarai kata kunci yang relevan bagi sesuatu dokumen. Melalui PEN, pengestrakan maklumat dapat dilakukan dengan mengenalpasti entiti nama (nama orang,

lokasi, organisasi), nilai masa (tarikh, masa, tempoh) dan nilai nombor (wang, peratus, berangka, kardinal) dalam koleksi teks atau dokumen.

Al-Quran mengandungi kira-kira 77,000 perkataan yang disusun dalam bentuk bab-bab kecil sebanyak 114 bab yang dikenali sebagai surah. Setiap surah tersebut pula mengandungi ayat-ayat. Al-Quran mengandungi pelbagai maklumat dan maksud yang luas dan ianya dalam keadaan tidak tersusun dan berselerakan namun berkait antara satu sama lain secara konsep (Eric S Atwell et al., 2009). Entiti di dalam Al-Quran boleh merujuk kepada namaorang, golongan atau kaum, peristiwa dan sebagainya. Mencari entiti secara manual adalah sukar dan memerlukan masa yang lama.

Salah satu penyelesaian kepada masalah ini adalah dengan mengenalpasti dan mengekstrak entiti nama yang terdapat dalam teks Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu. Di samping itu, dengan kajian ini juga dapat menambah entiti nama bagi Domain Islam berdasarkan kajian-kajian lepas dan indeks Al-Quran serta menganotasikan entiti nama tersebut.

Penyelesaian lain yang boleh diutarakan dalam kajian ini adalah dengan mencari bagaimana cara melatih dan mengemaskini model bagi mendapatkan tetapan (*setting*) parameter yang terbaik untuk model PEN bagi Domain Islam. Kajian ini akan membangunkan, melatih dan mengemaskini model NER yang disesuaikan untuk mengenalpasti dan mengklasifikasikan entiti nama bagi Domain Islam seperti nama nabi, malaikat, kitab suci, dan istilah utama yang unik kepada ajaran Islam, dalam teks Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu. Ini boleh membantu dalam menyediakan maklumat dan meningkatkan pemahaman semasa membaca dan belajar teks Al-Quran terjemahan tersebut. Kajian ini akan membuktikan sejauh mana keberkesanan menggunakan pendekatan pembelajaran mesin dalam mengekstrak entiti nama hasil daripada model PEN yang telah dilatih dan dikemaskini mengikut tetapan parameter yang terbaik bagi Domain Islam dalam teks Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu.

Melalui kajian ini, ianya dapat membantu dalam mengenalpasti entiti nama yang pastinya merupakan konsep penting yang dibincangkan dalam teks Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu. Melalui PEN ini, ianya akan dapat membantu dalam mengenalpasti dan mengekstrak entiti nama dan seterusnya memudahkan dalam proses capaian maklumat. PEN juga dapat membantu dalam mengenalpasti konsep-konsep utama sesuatu domain serta

membekalkan maklumat penting untuk kefahaman yang jitu tentang sesuatu maksud yang terkandung dalam sesebuah teks dokumen.

Laporan ini mengandungi lima (5) seksyen. Seksyen I menerangkan latarbelakang kajian ini yang merangkumi permasalahan kajian dalam pengecaman entiti nama teks Al-Quran terjemahan Bahasa Melayu. Seksyen II pula membincangkan mengenai pengekstrakan maklumat, pengecaman entiti nama dan pendekatan-pendekatan yang ada. Seksyen III membincangkan metodologi kajian yang digunakan untuk mencapai objektif dan skop kajian. Penerangan mengenai rekabentuk kajian dan teknik-teknik yang digunakan akan dibincangkan pada seksyen ini. bab perbincangan iaitu pengenalan, kajian literasi, metodologi kajian, analisis kajian dan kesimpulan. Setiap bab menerangkan secara terperinci terhadap kajian yang dilaksanakan. Seksyen IV akan membentangkan analisis bagi keputusan kajian. Akhir sekali, seksyen V merumuskan secara keseluruhan kajian, kekangan dan cadangan di masa hadapan.

II. KAJIAN LITERASI

A. Pengekstrakan Maklumat (PM)

Pengestrakan Maklumat merupakan satu bidang yang melakukan proses pengekstrakan maklumat daripada data digital dan mencari kekerapan kelas objek tertentu dan hubungan antara objek. Sebagai contoh mengekstrak alamat dari halaman web, seperti jalan, bandar, daerah, negeri dan poskod. Contoh lain; mengekstrak maklumat kejadian ribut daripada laporan cuaca, data seperti suhu, kelajuan angin dan hujan.

Di antara kepentingan PM yang dikenalpasti adalah membantu enjin pencarian dokumen daripada halaman web. Teknik pengekstrakan diperlukan dalam mencari maklumat yang tepat daripada satu atau lebih dokumen web. Selain itu, pengekstrakan maklumat diperlukan dalam proses pemindahan data daripada sistem asal ke sistem yang baru. Situasi ini sering berlaku apabila pengguna bertukar sistem komputer. Data daripada sistem asal akan diekstrak dan diubah format yang sesuai dengan sistem yang baru.

B. Pengecaman Entiti Nama (PEN)

Pengecaman Entiti Nama (PEN) telah digunakan secara meluas dan memainkan peranan penting khususnya dalam bidang berkaitan dengan PBT. PEN juga merupakan salah satu teknik

pengekstrakan maklumat yang membantu mengekstrak dan mengenalpasti maklumat yang diingini. Maklumat ini kemudiannya disimpan ke dalam pangkalan data bagi memudahkan carian maklumat dilakukan. Melalui PEN, pengesktrakan maklumat dapat dilakukan dengan mengenalpasti entiti nama dan mengkelaskannya mengikut kategori yang ditentukan seperti individu, lokasi, organisasi, tarikh, masa, nilai kewangan dan nilai peratusan.

i) Pengestrakan Ciri

Entiti Nama (EN) mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam bahasa, entiti nama adalah merujuk kepada sesuatu entiti atau konsep tertentu dan biasanya tidak disenaraikan di dalam leksikon. Fungsi PEN adalah mencari dan mengklasifikasikan entiti nama di dalam sesuatu teks kepada kategori seperti nama orang, organisasi, lokasi, ungkapan masa, kuantiti dan sebagainya. Ia boleh juga dinyatakan PEN dilihat sebagai proses dua fasa (*two-phases process*); a) mengenalpasti sempadan entiti b)mengklasifikasi entiti ke dalam kategori yang betul. Sebagai contoh, Jika perkataan Muhammad ada di dalam sesebuah ayat, adalah penting untuk mengenalpasti permulaan dan akhiran entiti nama tersebut di dalam ayat itu. Maka entiti tersebut akan diklasifikasikan ke dalam kategori yang betul iaitu kategori nama orang.

Terdapat pelbagai ciri telah dipertimbangkan dalam kajian yang berkaitan dengan PEN, di antaranya adalah ortografik, N-gram, penandaan golongan kata (*POS tag*), perkataan pemberat (*word weight*), tokenisasi dan sebagainya.

ii) Anotasi Entiti Nama

Bahasa mesin tidak dapat memahami konteks frasa, makna setiap kata, ayat atau frasa, situasi atau percakapan tertentu mahupun makna holistik bagi sesuatu pernyataan. Konsep seperti humor dan elemen abstrak lainnya tidak dapat ditafsirkan menjadikan pelabelan data teks menjadi lebih sukar. Atas sebab itu anotasi teks mempunyai beberapa peringkat mengikut kategori anotasi iaitu anotasi semantik, anotasi maksud, kategori teks dan anotasi entity.

iii) Teks Tanpa Label dan Berlabel

Perlabelan data adalah penting untuk pemprosesan bahasa tabii dan pembelajaran mesin di mana ianya membolehkan model memahami dan mentafsir data dengan lebih baik. Dengan menggunakan pelbagai jenis anotasi data dan menggunakan alatan dan platform yang betul, dapat melatih dan menambah baik model pembelajaran mesin dengan lebih berkesan dan mencapai hasil yang lebih baik.

iv) Gazetir

Gazetir adalah senarai entiti nama yang ditakrifkan dan ianya mengandungi senarai nama khusus untuk jenis kelas entiti nama tertentu. Sebagai contoh; Malaysia berada dalam kelas gazetir lokasi manakala Tun Mahathir berada di dalam kelas nama orang. Gazetir dibangunkan mengikut keperluan setiap kelas entiti nama (Nadia & Omar, 2019). Gazetir juga dikenali sebagai senarai putih atau kamus (K. Shaalan & H. Raza, 2008).

C. Pendekatan Pengecaman Entiti Nama (PEN)

Matlamat utama PEN adalah untuk mengklasifikasikan entiti nama seperti individu, lokasi, organisasi da sebagainya (Hadi, 2011). Terdapat tiga pendekatan dalam sistem PEN iaitu pendekatan berasaskan peraturan (*rule-based approach*), pendekatan pendekatan berasaskan pembelajaran mesin (*machine learning approach*) dan pendekatan berasaskan hibrid iaitu melibatkan gabungan pendekatan peraturan, statistikal dan pembelajaran mesin. Namun hanya dua pendekatan yang popular dalam pelaksanaan pengecaman entiti nama iaitu pendekatan berasaskan peraturan dan pendekatan berasaskan pembelajaran.

i) Pendekatan Berasaskan Peraturan

Pendekatan berasaskan peraturan merupakan kaedah yang bergantung sama ada peraturan berasaskan heuristik (*heuristic*) atau ungkapan pemalar (*regular expression*) untuk mengklasifikasikan entiti nama. Ia juga boleh dipengaruhi oleh ontologi luaran (Rindflesch et al., 2000), lingustik (Proux et al., 1998) dan juga konteks (Fukada et al., 1998; Humphreys et al., 2000). Selain itu, pendekatan berasaskan peraturan juga turut digunakan bersama-sama sumber bahasa seperti kamus, senarai gazetir atau senarai penanda di samping memerlukan penglibatan kepakaran manusia untuk mengenalpasti dan

mengekstrak entti nama tersebut, sama ada dari segi tatabahasa, sintaksis atau gabungan dengan senarai kata kunci.

ii) Pendekatan Berasaskan Mesin

Bagi pendekatan pembelajaran mesin adalah teknik pembelajaran corak klasifikasi daripada korpus yang besar. Pendekatan ini memerlukan sejumlah bilangan korpus yang besar untuk dijadikan data pembelajaran. Bagi membolehkan pengecaman entiti nama berfungsi, sistem perlu mempelajari ciri-cirinya dengan mengenalpasti corak daripada korpus yang besar dan mendapatkan hasil keputusan berdasarkan data tersebut.

iii) Pendekatan Hibrid

Pendekatan hibrid menggabungkan lebih daripada satu pendekatan PEN, termasuklah kombinasi pendekatan seperti pendekatan berasaskan peraturan dan pendekatan berasaskan pembelajaran mesin bagi mengoptimumkan prestasi keseluruhan kajian tersebut (C. Kiefer et al., 2019).

Pendekatan hibrid juga mempunyai kelebihan dan keburukannya. Kebanyakan kajian yang menggunakan pendekatan hibrid ini, ianya akan meningkatkan prestasi dari segi ketepatan keputusan (K. Shaalan et al., 2014). Ianya mempunyai beberapa modul berdasarkan domain kajian. Tetapi beberapa kajian yang telah dilakukan banyak menggabungkan pendekatan pembelajaran mesin dan pendekatan peraturan berasaskan corak untuk mengekstrak beberapa entiti nama seperti individu, lokasi dan organisasi

D. Korpus Bahasa Melayu dan Domain Islam

Korpus memainkan peranan penting dalam penyelidikan PBT yang berasaskan dokumen teks dan kebiasaannya, korpus tersebut adalah dokumen teks tidak berstruktur. Penyelidikan PEN semakin berkembang dan kebanyak jumlah korpus yang tersedia di dalam Bahasa Inggeris menyebabkan ramai para penyelidik menjalankan penyelidikan PEN dalam bahasa tersebut. Manakala korpus Bahasa Melayu masih terhad berbanding dengan sumber Bahasa Inggeris (Sazali, 2016).

Kajian PEN boleh dilaksanakan dalam pelbagai domain sebagai contoh domain pendidikan, jenayah, dokumen teks terjemahan Al-Quran atau Hadis, umum dan seumpamanya. Di dalam agama Islam, terdapat dua sumber rujukan utama iaitu Al-Quran dan hadis. Al-Quran ditulis dalam Bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan kepada bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Indonesia dan juga Bahasa Melayu untuk kemudahan memahami maksud ayat-ayat yang dibaca. Setiap surah atau bab mengandungi naratif yang berbeza dan kadangkala tiada perkaitan antara surah-surah atau bab-bab tersebut. Di dalam setiap bab, terdapat juga banyak entiti di dalam setiap ayat, yang boleh menyukarkan seseorang untuk mencari entiti tertentu. Entiti dalam Al-Quran boleh merujuk kepada nama orang atau sesuatu kumpulan.

Maka penyelidikan dan pembangunan PEN diperlukan dalam mengenalpasti entiti dan mengklasifikasikannya bagi mendapatkan maklumat dan pemahaman sesuatu bab tersebut dengan lebih bermakna.

E. Kajian Terdahulu

Kajian *Malay Named Entity Recognition Based on Rule-Based Approach* oleh Alfred et al (2014) mencadangkan algoritma pengecaman entiti nama berasaskan peraturan untuk artikel Bahasa Melayu. Pengecaman Entiti Nama dalam Bahasa Melayu yang dicadangkan ini direkabentuk berdasarkan kepada ciri-ciri Penandaan Golongan Kata (*POS tagging*) bagi Bahasa Melayu dan ciri-ciri kontekstual yang telah dihasilkan untuk menangani pengecaman entiti nama bsgi artikel-artikel dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan kepada keputusan *POS tagging* tersebut, entiti nama yang betul akan dikenalpasti atau dikesan di mana berkemungkinan sesuai untuk dianotasikan. Di samping itu, terdapat juga beberapa simbol dan kata hubung yang akan dipertimbangkan dalam proses untuk mengenalpasti entiti-entiti nama bagi artikel Bahasa Melayu. Terdapat juga beberapa kamus kata yang dibina secara manual untuk digunakan bagi pengecaman entiti nama seperti individu, lokasi dan organisasi. Hasil keputusan kajian menunjukkan nilai dapatan sebanyak 89.74% bagi ukuran-f. Penulis menyatakan bahawa algoritma pengecaman entiti nama dalam Bahasa Melayu boleh ditambahbaik lagi dengan mewujudkan lebih banyak kamus kata yang lebih lengkap dan memperhalusikan lagi peraturan yang digunakan untuk mengenalpasti sistem entiti nama bagi Bahasa Melayu yang betul.

Merujuk kepada kajian Saad & Mansor (2018), penulis menjalankan kajian dengan membangunkan sistem prototaip model pengestrakan maklumat dokumen berita jenayah dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik pengecaman entiti nama melalui pendekatan berasaskan peraturan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan korpus berita jenayah dalam Bahasa Melayu yang diperolehi dari sumber arkib berita BERNAMA. Hasil keputusan yang diperolehi daripada sistem prototaip yang dibangunkan menunjukkan hasil yang baik iaitu dengan nilai dapatan adalah sebanyak 78.6%, manakala bagi nilai kejituan adalah sebanyak 71.11% dan ukuran-f pula sebanyak 74.7%.

Walaupun kajian NER Bahasa Melayu sudah ada dilaksanakan, tetapi terdapat beberapa peraturan yang dihasilkan masih tidak mencukupi dan tidak menyeluruh dalam mengecam entiti nama, terutamanya bagi domain-domain tertentu (Nadia & Omar, 2019). Penulis menyatakan isu yang mencabar dalam PEN Bahasa Melayu adalah rujukan silang antara satu entiti nama dengan entiti nama yang lainnya, pencampuran entiti nama dan pengulangan entiti nama. Penulis mencadangkan peraturan baru bagi mengatasi isu dalam PEN Bahasa Melayu dengan menyediakan korpus fail teks berita Bahasa Melayu atas talian, pembangunan gazetir, pembangunan peraturan dan penilaian. Kajian ini memberi fokus kepada pengecaman entiti nama yang melibatkan sembilan entiti nama iaitu nama individu, lokasi, organisasi, jawatan, tarikh, masa, kewangan, ukuran dan peratusan. Secara keseluruhannya, hasil pengujian menunjukkan nilai dapatan sebanyak sebanyak 90.23%, nilai kejituan sebanyak 92.13% dan ukuran-f sebanyak 91.05%.

Pendekatan berasaskan peraturan juga digunakan dalam kajian Maha et al., (2018), untuk memadankan nama-nama Allah dalam domain tertentu iaitu Al-Quran, sistem cadangan tersebut dibina daripada koleksi peraturan dengan menggunakan ungkapan pemalar (*regular expression*). Peraturan yang dicadangkan akan dipadankan dengan semua nama Allah di dalam Al-Quran. Terdapat banyak ciri telah dipertimbangkan dalam kajian ini seperti ortografik, N-gram dan imbuhan. Sistem yang dicadangkan akan menyelesaikan masalah penampilan nama-nama Allah dalam Al-Quran sebagai sub jujukan dalam perkataan lain serta menganggap diakritik (Al-Tashkeel) dalam perkataan Arab. Keefisyenan persamaan nama diambilkira untuk mengurangkan kerumitan asas peraturan. Keputusan pengujian menunjukkan bahawa peraturan berdasarkan ungkapan biasa adalah teknik yang berkesan, berkuasa dan cekap dalam menyesuaikan nama sasaran dengan koleksi peraturan yang sedikit.

Kajian oleh Asmai, Salleh, Basiron dan Ahmad (2018), menyatakan bahawa model pengecaman entiti nama dalam Bahasa Melayu boleh dipertingkatkan dengan menggunakan gabungan teknik Algoritma *Fuzzy c-means* dan *K-Nearest Neighbours* bagi domain analisis jenayah. Hasil keputusan menunjukkan bahawa gabungan kedua-dua teknik tersebut boleh meningkatkan prestasi ketepatan pada pengecaman entiti data jenayah dalam Bahasa Melayu. Nilai kejituan secara keseluruhannya menunjukkan sebanyak 95.24% semasa pengklasifikasi k-NN. Keputusan nilai kejituan tersebut boleh dijadikan ukuran yang boleh menjadi perspektif keseluruhan proses penilaian dapat dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan set data latihan untuk hasil yang lebih baik pada eksperimen akan datang.

Jadual **Error! No text of specified style in document.**.1 Perbandingan kajian lepas dalam PEN - Islamik

Penyelidik	**Domain**	**Bahasa**	**Entiti Yang Diestrak**	**Kaedah Penyelidikan**	**Hasil**
Maha et al. (2018)	Al-Quran	Arab	Nama-nama Allah	Koleksi peraturan dibina dengan menggunakan ekspresi peraturan (*regular expression*) kemudian dipadankan dengan semua nama Allah di dalam Al-Quran. Ciri-ciri lain yang dipertimbangkan: ortografik, N-gram dan imbuhan (*affixes*)	Pendekatan berasaskan peraturan lebih efektif dan efisyen

bersambung…

sambungan…

Azalia et al. (2019)	Terjemahan Hadis	Indonesia	Nama Perawi	Menggunakan teknik pengklasifikasi *Naive Baiyes*. Ciri terlibat*: title case, POS tag* dan unigram. Ukuran-F1 digunakan dalam kajian ini untuk mengukur features dan prestasi entiti nama.	*F1-Score*= 82.63%
Maulana et al. (2019)	Terjemahan Al-Quran	Inggeris	Orang	Menggunakan teknik SVM. Dataset diperolehi dari laman web tanzil.net yang mengandungi 19,473 token dan 720 entiti.	*F-Measure*= 75%

Jadual **Error! No text of specified style in document.**.2 Perbandingan kajian lepas dalam PEN - Umum

Penyelidik	Domain	Bahasa	Entiti Yang Diestrak	Kaedah Penyelidikan	Hasil
Alfred et al. (2014)	Artikel Bahasa Melayu	Melayu	Orang, Organisasi dan Lokasi	RPOS (berasaskan petua)	*F-Measure* = 89.47%
Sulaiman et al. (2017)	Artikel Bahasa Melayu	Melayu	Orang, Organisasi dan Golongan Kata	Merujuk kepada piawai Stanford dan Illnois	Kejituan Stanford = 36.55% Kejituan Illnois = 35.64%
Halid et al. (2017)	Artikel Berita Harian atas talian	Melayu	30 Petua GK termasuk petua imbuhan dan 16 petua hubungan kata	Golongan Kata(berasaskan peraturan)	Nilai Kejituan=93.06%
Ulanganathan et al. (2017)	Artikel Berita dari BERNAMA dan media sosial (Twitter, blog dan wikis)	Melayu	Orang, Organisasi, Lokasi dan Sarana	Tiga langkah dilaksanakan dalam PEN: 1) Pra-pemprosesan pemecahan perkataan pada data latihan. 2) Anotasi manual bagi entiti individu, lokasi , organisasi dan sarana. 3) Perkataan diproses menggunakan Linear-Chain CRF. 4) Hasil keputusan PEN dibandingkan di antara sistem Mi-NER, PEN berasaskan peraturan dan sistem sedia ada; Semantria.	Mi-NER= 89.87% Berasaskan peraturan =78.95% Semantria= 52.74%
Salleh et al. (2018)	Berita Jenayah daripada Laman PDRM	Melayu	Orang, Organisasi, Lokasi, Tarikh dan Jenis Jenayah	Menggunakan gabungan teknik *Fuzzy c-means* dan *K-Nearest Neighbors.*	Nilai Kejituan= 95.24%
Saad et al. (2018)	Dokumen Berita Jenayah	Melayu	Orang, Organisasi, Lokasi, Tarikh, Masa, Kewangan,	Menggunakan kontekstual, penandaan golongan kata, saringan kata kunci dan saringan jenis morfologi.	*Precision*= 71.11% *Recall*= 78.67% *F-Measure* = 74.7%

bersambung…

...sambungan

			Ukuran, Peratusan, Jenayah dan Senjata		
Nadia et al. (2019)	Artikel Berita	Melayu	Orang, Organisasi, Lokasi, Tarikh, Masa, Kewangan, Ukuran, Peratusan	PEN berasaskan peraturan yang dimulakan: 1) Menyediakan korpus fail teks berita atas talian Bahasa Melayu 2) Pembangunan gazetir dan pembangunan peraturan.	*Precision*= 90.23% *Recall*= 92.13% *F-Measure* = 91.05%
Sugiarta et al. (201)	Dokumen Teks Bali	Bali	Lokasi	Pendekatan PEN berasaskan peraturan	*Precision*= 93% *Recall*= 93% *F-Measure*= 92%

III. METODOLODI KAJIAN



Rajah 3.1 menggambarkan rekabentuk metodologi kajian yang merangkumi fasa-fasa yang terlibat beserta penerangan seperti berikut:

A. Fasa Pertama, Penyediaan Data

Fasa penyediaan data melibatkan pengenalpastian dataset dan pemilihan skop domain bagi kajian ini. Dataset yang dipilih adalah daripada ayat terjemahan Al-Quran dalam Bahasa Melayu yang boleh didapati di https://www.surah.my/21; Surah An-Anbiya; yang mengandungi 112 ayat.

B. Fasa Kedua, Pra-Pemprosesan Data

Bagi menyediakan dataset tersebut, dokumen teks Islamik perlu melalui beberapa pendekatan pra-pemprosesan sebelum proses seterusnya dilaksanakan. Pra-pemprosesan adalah teknik untuk menyiapkan data agar lebih teratur untuk ke proses yang selanjutnya dalam mengekstraksi dokumen teks. Dengan kata lain, proses pembersihan untuk mendapatkan data bersih daripada ‘data mentah’. Ini adalah untuk menghindari kecelaruan ketika menganalisis data tersebut.

i) Pembuangan Tanda Baca

Tanda baca ditaktifkan sebagai satu set tanda yang digunakan untuk menjadikan sesuatu ayat atau perenggan dapat dinyatakan maksudnya dengan tepat dan bermakna. Tanda baca menentukan di mana kita perlu berhenti atau memberikan pemahaman terhadap kata-kata bagi pembaca tersebut. Sebagai contoh tanda baca dalam sesebuah dokumen teks adalah seperti “?”, “!”, “,”, “*” dan banyak lagi tanda baca.

ii) Pentokenisasi

Salah satu tugas paling asas dalam Pemprosesan Bahasa Tabii (PBT) ialah tokenisasi atau dengan kata lain memsegmentasikan atau memecahkan teks-teks dalam sesuatu ayat atau perenggan atau dokumen menjadi token individu (perkataan dan tanda baca).

Tokenisasi adalah salah satu bahagian utama dalam kebanyakan *pipeline* Pemprosesan Bahasa Tabii. Ini adalah kerana ia membolehkan kita menjadikan sesuatu perkataan dan tanda baca tertentu sebagai unit diskret.

Proses tokenisasi ini dimudahkan dengan menggunakan perpustakaan dari SpaCy dengan melakukan tokenisasi dengan objek PBT dan kelas *Doc*. Untuk menandakan segmentasi teks dengan SpaCy, kita boleh menghantar rentetan teks tersebut ke objek *Doc* yang kemudiannya akan diproses ke peringkat seterusnya di dalam *pipeline.*



Rajah 3.1 Pemprosesan *pipeline*

C. Fasa Ketiga, Penganotasian Entiti Nama

Anotasi entiti nama ini dilakukan pada dataset mentah dalam bentuk fails teks. Kaedah anotasi ini dilakukan dengan bantuan alatan (*tools*) anotasi entiti nama yang boleh didapati di laman https://tecoholic.github.io/ner-annotator/. Kategori yang dijalankan proses penandaan anotasi ialah Kitab Suci, Nabi, Nama Tuhan, Golongan, Peristiwa, Malaikat, Agama, Tempat, Syurga, Neraka dan Jin. Setelah selesai mengkategorikan entiti-entiti tersebut, kategori entiti tersebut akan disimpan dalam format fail *.json.

D. Fasa Keempat, Pembangunan Model Latihan PEN

SpaCy ialah perpustakaan pemprosesan bahasa semula jadi yang ditulis dalam Python dan Cython, dan ia serasi dengan CPython 64-bit 2.7 / 3.5+ dan boleh beroperasi pada Unix/Linux, macOS/OS X dan Windows. SpaCy juga merupakan perpustakaan yang popular yang menggunakan kedua-dua pembelajaran mesin (machine learning) dan teknik pembelajaran mendalam (deep learning) untuk melaksanakan pelbagai tugas PBT. Ia direka bentuk untuk menjadi cekap, pantas dan mesra pengguna. Fungsi teras Spacy termasuk tokenisasi, pengetegan sebahagian daripada pertuturan, pengecaman entiti bernama, penghuraian kebergantungan dan banyak lagi. Beberapa komponen SpaCy, seperti pengecaman entiti nama (PEN) dan klasifikasi teks, memanfaatkan penggunaan teknik pembelajaran mendalam. Model ini dilatih pada data berlabel menggunakan rangkaian saraf (neural network) yang membolehkan ianya mempelajari corak kompleks dan meningkatkan ketepatan bagi pelbagai tugas PBT.

i) Model SpaCy

Sistem PEN Spacy mengandungi strategi pembenaman perkataan (word embedding) menggunakan ciri-ciri sub perkataan dan pembenaman "*Bloom*" dan *deep convolution neural network* bersama *residual* CNNs. Sistem ini direkabentuk untuk memberikan keseimbangan kecekapan, ketepatan dan kebolehsuaian yang baik. Di antara senibina model yang digunakan untuk melatih model pengecaman entiti nama ini adalah seperti berikut model tokenisasi (*tok2vec*), model pengecaman entity nama (*ner*), pembenaman perkataan (*word embedding*) dan pengoptimum (*optimizer*).

ii) Komponen *Pipeline*

SpaCy mempunyai pelbagai komponen pipeline yang telah sedia ada . Di antaranya adalah penanda golongan kata (*POS tagging*), kebergantungan penghurai (*dependency parser*), pengecaman entiti nama (*ner*) dan sebagainya. Bagi kajian ini, komponen *pipeline* yang digunakan adalah komponen *pipeline* pengecaman entiti nama. Komponen ini akan menambah entiti yang dikenalpati menggunakan arahan *doc.ents*. Ia juga menetapkan jenis atribut entiti pada token yang menunjukkan samada token tersebut adalah sebahagian daripada entiti atau pun tidak.

iii) Fail Konfigurasi

